

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
(SILAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2015

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan ingin memperluaskan Perniagaan Renminbi (RMB) setelah Bank of China telah dipilih sebagai bank penjelasan di Malaysia. Apakah keberhasilan dan manfaat yang akan diperolehi Peniaga di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Memorandum Persefahaman antara Bank Negara

Malaysia dan People's Bank of China pada 10 November 2014, Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM) telah dilantik sebagai bank penjelasan Renmibi (RMB) di Malaysia pada 5 Januari 2015. Dengan perantaraan itu, BOCM akan mempunyai akses terus kepada pasaran kewangan tempatan negara China dan seterusnya akan menghasilkan manfaat berikut:

1. Membolehkan penyelesaian RMB di Malaysia dengan lebih mudah dan cekap;
2. Memudahkan syarikat-syarikat tempatan mendapatkan pembiayaan RMB dengan harga yang lebih kompetitif di samping membolehkan aktiviti lindung nilai bagi pasaran mata wang asing RMB di Malaysia; dan
3. Menambahbaik infrastruktur pasaran kewangan tempatan bagi meningkatkan penggunaan RMB di pasaran ekonomi Malaysia.

Dengan manfaat-manfaat tersebut, ia akan menggalakkan lagi penggunaan RMB sebagai mata wang alternatif dalam penyelesaian perdagangan dan urusan kewangan dan mengurangkan risiko ekonomi negara terhadap pergolakan sesuatu mata wang utama dunia seperti USD dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN : 74

Y.B. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kilometer landasan kereta api yang telah dibaiki di Kelantan akibat kerosakan banjir. Berapakah jumlah yang telah diperuntukkan dan telah diguna pakai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jarak landasan keretapi di negeri Kelantan yang terjejas akibat banjir bagi sektor Gua Musang ke Tumpat adalah sepanjang 206.1 kilometer.

Pihak Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bersetuju untuk memberikan peruntukan khas berjumlah RM366 juta bagi kerja-kerja pemulihan infrastruktur keretapi dan stokereta di sektor Gua Musang ke Tumpat yang terjejas akibat musibah banjir besar ini. Sehingga kini masih belum ada perbelanjaan dibuat dan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan memandangkan pihak Kerajaan sedang dalam proses untuk melantik kontraktor bagi kerja-kerja pemulihan tersebut. Kerja-kerja pemulihan ini dijangka akan mula dilaksanakan pada Ogos 2015.